

02/12/2000

Tiada alasan kaitkan Malaysia dengan kontroversi

KONTROVERSI Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid atau Gus Dur, menyelar Singapura minggu lalu nampaknya cuba dipanjangkan oleh pihak tertentu. Tidak cukup dengan hal Gus Dur mengecam Singapura atas dakwaan mengamalkan dasar luar hanya bagi keuntungannya selain membenci orang Melayu, akhbar Straits Times Singapura turut menyeret Malaysia pula. Satu laporan akhbar berkenaan mengandaikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar sebagai 'batu api' yang menyemarakkan kemarahan Gus Dur terhadap Singapura. Laporan itu juga menyebut dalam dua kejadian sebelum Gus Dur menyelar Singapura, pemimpin Indonesia itu mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir dan Syed Hamid di samping menolak ia sebagai kebetulan semata-mata.

Malah, pertemuan Gus Dur dan Dr Mahathir ketika bersarapan pagi bersama Sabtu lalu pada acara sampingan Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean (AIS) di Singapura, dilabel sebagai 'satu bengkel kecil perpaduan seluruh Melayu yang membawa kepada kutukan terhadap Singapura'. Jelas, laporan akhbar berkenaan berniat mempersendakan kedua-dua pemimpin terbabit. Gus Dur, seorang pemimpin yang langsung tidak berselindung dalam menyuarakan pendapat, seolah-olah digambarkan mudah dipengaruhi untuk menyatakan sesuatu yang memungkinkan beliau sendiri dikecam. Di pihak yang lain pula, Dr Mahathir digambarkan sebagai menggunakan pengaruhnya agar Gus Dur menyelar Singapura. Tidak mungkinkah ia hanya pertemuan biasa dan bukan seperti diandaikan akhbar berkenaan? Atau barangkali juga seperti kerajaan Singapura, akhbar republik itu hanya menilai keadaan daripada sudut yang menguntungkannya semata-mata.

Khabarnya lidah pengarang akhbar berkenaan kelmarin merumuskan kemarahan rakyat Singapura terhadap kecaman Gus Dur, termasuk cadangannya agar Indonesia dan Malaysia memutuskan bekalan air ke Singapura. Rakyat Singapura tidak akan geli hati dengan sebarang ancaman yang dibuat terhadap bekalan air, kata akhbar itu. Dalam pada itu, rakyat Singapura seharusnya tahu bahawa tiada silapnya kenyataan Gus Dur bahawa Singapura membeli air dari Malaysia pada harga murah. Kita berasa hairan apa faedahnya Malaysia diseret sama dalam kontroversi ini, seolah-olah ada pihak yang sengaja mahu menghangatkan keadaan. Kebetulan, ketika sidang yang sama minggu lalu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, turut dikaitkan dengan kontroversi, kononnya kerana menganggap satu kenyataan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, sebagai ungkapan daripada seorang yang 'hilang akal' tetapi ia segera diperbetulkan kemudian. Keadaannya seolah-olah akan ada saja pihak di Singapura yang menanti kesempatan untuk 'mengenakan' Malaysia atas sebab yang hanya mereka sendiri ketahui. Andainya benar demikian, maka ia menepati tanggapan bahawa Singapura sememangnya amat angkuh dan gemar memperkecil jiran-jirannya.

(END)